

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"WAWASAN turut mengenal pasti keperluan sumber manusia yang berilmu. Ini juga penting, nisbah kita sebuah negara kecil yang mempunyai penduduk, yang juga amat kecil. Sumber manusia berkualiti adalah faktor penturut kepada keupayaan negara untuk menikmati kemajuan secara berpanjangan."

- Titah Sempena Menyambut Perayaan Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 27 Safar 1430 / 23 Februari 2009.

Waktu Sembahyang



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

IMSAK

SUBUH

SYURUK

DUHA

ZUHUR

ASAR

MAGHRIB

ISYAK

5.02

5.12

6.34

6.58

12.32

3.53

6.27

7.40

TAHUN 62 / BILANGAN 8

18 JANUARI 2017 / 1438 20 ربیع الآخر

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit

dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI RABU / PERCUMA

Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan muhibah

Siaran Akbar dan Foto :
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Januari. - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara telah menerima kunjungan muhibah daripada Suruhanjaya Tinggi Republik Islam Pakistan di Negara Brunei Darussalam.

Menurut Siaran Akbar Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mejaz Jeneral (B) Tariq Rashid Khan telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut hadir, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar dan Timbalan Jurutulis MMN, Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail serta beberapa orang pegawai Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Selain bagi memperkuatkkan lagi persahabatan dan hubungan baik kedua belah pihak, kunjungan muhibah tersebut membincangkan hal-hal dan isu-isu yang menjadi keprihatinan bersama.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib ketika menerima kunjungan muhibah daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mejaz Jeneral (B) Tariq Rashid Khan.

Buat perancangan rapi

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



Muka 5

Tinjau perkembangan pembelajaran SMALHB



Muka 12

'The Civil Division Work Manual' panduan komprehensif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Januari. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menekankan betapa mustahaknya dalam membuat perancangan yang rapi dan sebaiknya bagi acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dengan mengambil ingatan akan perayaan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun baginda menaiki takhta.

Yang Berhormat memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Awal Tahun Masihi 2017 di mana baginda bertitah bahawa menjelang tahun 2017, akan berlaku satu lagi sejarah apabila negara akan merayakan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki Takhta yang mana sambutan tersebut sangat besar erti sebagai cara untuk kita menghargai sejarah.

Yang Berhormat menegaskan bahawa kebijaksanaan dalam mengatur rangka persediaan dan persiapan bagi sambutan berkenaan adalah penting

dalam memastikan segala perancangan acara-acara yang akan diungkayahkan dan dilaksanakan berjalan dengan lancar, teratur dan sempurna.

Yang Berhormat menyatakan demikian dalam mukadimah alu-aluan semasa mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun bagi Tahun 2017 di Bangunan Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Jelas Yang Berhormat, sambutan perayaan tersebut, insyaAllah akan dikendalikan dalam suasana kegembiraan bulan Syawal di mana sambutan-sambutan hari raya setentunya masih dirayakan.

"Setentunya juga dengan itu akan lebih memeriahkan dan menyemarakkan lagi suasana Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada tahun ini," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat berharap dan mengalu-alukan supaya Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan, Jawatankuasa Tadbir Tertinggi di peringkat dan Jawatankuasa-Jawatankuasa serta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja akan terus



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 Tahun bagi Tahun 2017.

memberikan kerjasama, khidmat bakti, komitmen serta buah fikiran dalam sama-sama membuat persediaan awal bagi memastikan suasana kemeriah dan kesempurnaan acara-acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada tahun ini.

Ke muka 2

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

Buat perancangan rapi



MESYUARAT Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 Tahun bagi Tahun 2017.

Dari muka 1

Yang Berhormat juga berharap agar acara-acara sempena sambutan perayaan berkenaan akan dapat memperlihat pendekatan-pendekatan yang baharu dengan pembaharuan dan penambahkan sebagai nilai tambah dan mewalihkan lagi acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan sebelumnya yang boleh menarik penyertaan dan penglibatan semua lapisan masyarakat.

"Semua ini adalah semata-mata bagi mencerminkan semangat perpaduan, persefahaman, keharmonian, permuafakatan, kerjasama dan sokongan serta membuktikan dorongan yang erat lagi padu serta taat setia yang tidak berbelah bagi ke hadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," tambah Yang Berhormat.

Walaupun Sambutan Ulang Tahun Keputeraan baginda Ke-71 Tahun itu diharap akan melakar suasana yang lebih meriah dan menarik dengan kelainan dan keunikan tersendiri, Yang Berhormat mengingatkan agar nilai-nilai kebruneian dan agama tidak diabaikan.

Mesyuarat pertama tersebut bagi membincangkan ketetapan tarikh acara-acara utama dan pengendalian acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun.

Di antara agenda-agenda permesyuaratan

yang dibincangkan adalah Laporan Post Mortem Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan tahun lepas; Majlis Kesukuran; Istiadat Perbarisan Kehormatan; Keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah ke Daerah-Daerah; Majlis Ilmu dan Pameran; Pembinaan dan pemasangan alat-alat perhiasan dan kelengkapan seperti pintu-pintu gerbang, lampu-lampu cucul, perhiasan, kain rentang dan

vertical banner.

Mesyuarat juga mendengarkan laporan-laporan dan cadangan-cadangan bagi acara-acara yang akan diadakan sepanjang tempoh perayaan itu nanti.

Turut hadir pada mesyuarat berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran Cheteria serta ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 Tahun.



ANTARA Pegawai-pegawai kanan yang hadir pada mesyuarat tersebut.

Ramalan Cuaca 3 Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 25°C
MUARA		
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 26°C
PEKAN BANGAR		
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 25°C
PEKAN TUTONG		
32°C 25°C	32°C 26°C	32°C 25°C
PEKAN SERIA		
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 26°C
KUALA BELAIT		
32°C 25°C	32°C 26°C	32°C 25°C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."										
Masihi	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	RABU	20	5.02	5.12	6.34	6.58	12.32	3.53	6.27	7.40
19	KHAMIS	21	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.40
20	JUMAAT	22	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41
21	SABTU	23	5.03	5.13	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
22	AHAD	24	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
23	ISNIN	25	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
24	SELASA	26	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Ahli-ahli YB yang dilantik merupakan amanah

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Januari. - Pelantikan Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku wakil-wakil daerah adalah merupakan suatu amanah yang perlu ditanai dengan penuh tanggungjawab.

Pelantikan tersebut adalah atas dasar kepercayaan dan sokongan Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang ke atas kewibawaan Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku wakil-wakil daerah di daerah-daerah dan kawasan-kawasan (zon) masing-masing.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong di perjumpaan bersama Penghulu-Penghulu Mukim serta Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Rumah Panjang yang berlangsung di Dewan Banquet, Jabatan Majlis-Majlis

Mesyuarat, Bangunan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, di sini.

Jelas Yang Berhormat, pelantikan berkenaan juga merupakan amanah dan kepercayaan yang telah diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mempunyai peranan, bidang tugas dan tanggungjawab bagi kepentingan rakyat dan penduduk negara ini, di samping membantu pihak kerajaan dalam usaha membangun negara.

"Dalam hubungan ini, kita perlu sentiasa ingat akan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berulang kali menitahkan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat memberikan tumpuan kepada menyumbangkan idea-idea atau pandangan mengenai isu-isu strategik

yang akan dapat membantu dalam meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat dan penduduk negara ini secara menyeluruh dan sustainable.

Terutama dalam mendukung dasar-dasar kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang antaranya untuk menggalakkan lebih ramai anak tempatan untuk bekerja di sektor swasta dan juga usaha kerajaan dalam mempelbagaikan sumber perekonomian negara," tambah Yang Berhormat lagi.

Lantikan wakil-wakil daerah tersebut, terang Yang Berhormat, adalah juga untuk memberikan peluang kepada pihak Kerajaan Kebawah DYMM untuk mendengar suara rakyat dengan lebih luas, selain untuk menyampaikan agenda dan hasrat kerajaan sebagai perantaraan dua hala dalam apa jua rancangan kerajaan kepada rakyat di negara ini supaya dapat difahami dengan lebih baik dan jelas.

Perjumpaan tersebut telah

melibatkan semua penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta ketua-ketua rumah panjang di empat-empat daerah di seluruh negara yang antara lain dibuat bagi membarigakan Pelantikan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi pelantikan daerah-daerah yang telah berkuat kuasa pada 13 Januari lalu.

Seramai 10 ahli-ahli MMN bagi pelantikan Daerah-Daerah telah dilantik yang mana lima dari Daerah Brunei dan Muara, dua bagi Daerah Belait dan juga Daerah Tutong dan seorang dari Daerah Temburong.

Di dalam perjumpaan tersebut juga dihuraikan tugas-tugas dan tanggungjawab bagi setiap ahli-ahli MMN bagi daerah-daerah yang telah dilantik dalam mengurus tadbir zon-zon masing-masing.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Mutualib Bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap serta Pegawai-Pegawai Kanan dari KHEDN.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada perjumpaan bersama Penghulu-Penghulu Mukim serta Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Rumah Panjang.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri semasa bergambar ramai bersama Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung serta Ketua-Ketua Rumah Panjang seluruh negara.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan Tahun 2017 - 2018.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Januari. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyarankan agar setiap institusi pendidikan swasta menubuhkan Lembaga Pengarah sekolah swasta sebagaimana dalam

Akta Pendidikan Penggal 210.

Pemilihan ahli lembaga yang bersesuaian dan terdiri dari pelbagai latar belakang ujar Yang Berhormat adalah sangat penting untuk memastikan sesebuah lembaga berfungsi dengan berkesan.

"Selain daripada berperanan dalam

Institusi Pendidikan Swasta diseru tubuhkan Lembaga Pengarah

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

memantau pengurusan pentadbiran kewangan, prasarana dan hal ehwal guru dan pelajar, Lembaga Pengarah juga berperanan sebagai penasihat dalam merangka perancangan strategik dan hala tuju sekolah serta meneroka sumber kewangan bagi tujuan penambahbaikan dan peningkatan kualiti pendidikan yang ditawarkan. Segala perancangan strategik tersebut hendaklah menjurus kepada pencapaian visi dan misi institusi," ujar Yang Berhormat pada Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan Tahun 2017 - 2018 berlangsung di sekolah tersebut, di sini.

Menurut Menteri Pendidikan, lembaga pengarah juga bertanggung-jawab dalam memastikan kadar risiko bagi mana-mana aktiviti yang dilaksanakan tidak memudaratkan mana-mana pihak.

Kebajikan warga sekolah jelas Yang Berhormat, perlu diambil kira dan

tidak akan diabaikan dan ianya bertujuan bagi memastikan dan mengutamakan perhatian diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya bagi pencapaian para pelajar sekolah sentiasa ditahap yang tinggi.

Yang Berhormat juga mengambil maklum bahawa pencapaian lulus dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan bagi tahun 2016 adalah ditahap yang membanggakan iaitu 88.8 peratus dengan pencapaian pelajar yang lulus gred A - C adalah 73.44 peratus dan seterusnya berharap pencapaian tersebut akan sentiasa dipertingkatkan tahun demi tahun.

"Seperti juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena

Sambutan Hari Guru kali ke-26 Tahun 2016, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus bekerjasama dengan Unit PENGGERAK, Jabatan Perdana Menteri dalam usaha meningkatkan pencapaian negara dalam PSR kepada kecemerlangan dan pada tahun ini (2017), sasaran pencapaian bagi gred A-C adalah 90 peratus. Sekolah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan dan semua sekolah swasta di negara ini diharap akan menyumbang kepada pencapaian sasaran ini. Sehubungan ini, saya ingin menyeru pemimpin-pemimpin sekolah swasta akan dapat menyediakan dan mengaturkan strategi pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan membantu negara mencapai sasaran ini," ujar Yang Berhormat.

Ke muka 4

Institusi Pendidikan Swasta diseru tubuhkan Lembaga Pengarah

Dari muka 3

Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya berkata, sebagai salah satu usaha meningkatkan tahap kompetensi di dalam bidang literasi dan numerasi, yang mana diharatkannya akan membantu para pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran mereka di peringkat seterusnya, Kementerian Pendidikan telah menghasilkan Piawaian Literasi dan Numerasi (Literacy and Numeracy Standard) bagi peringkat rendah.

Kementerian Pendidikan tambahan juga sedang membuat persediaan untuk menyertai Program Penilaian bagi Pelajar-Pelajar Antarabangsa (Programme for International Students Assessment (PISA) pada tahun 2018 yang mana akan melibatkan pelajar berumur 15 tahun diseluruh negara termasuk sekolah-sekolah swasta.

"Program PISA menilai kompetensi pelajar berumur 15 tahun dalam Matematik, bacaan Bahasa Inggeris

dan Sains setiap tiga tahun. Program ini memfokuskan kepada aplikasi pengetahuan dan kemahiran 'Literacy and Numeracy' iaitu dari aspek berfikiran kritis, menyelesaikan masalah dan berkomunikasi. Melalui kita akan dapat menilai sejauh mana pelajar-pelajar berkemampuan untuk menghadapi *real world challenges*," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Dengan itu tambah Yang Berhormat, adalah penting bagi pihak sekolah dan guru-guru menyediakan pelajar-pelajar yang berumur 15 tahun pada tahun 2018 untuk menyertai program ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Seramai 29 ahli Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Chung Hwa telah dilantik termasuk Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Chung Hwa.



UPACARA mengangkat sumpah bagi seramai 29 ahli Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan doa selamat dan disusuli dengan upacara mengangkat sumpah dan penandatanganan surat lantikan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Chung Hwa

yang telah disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pendidikan Penggal 210, penubuhan Lembaga Pengarah atau Lembaga Tadbir merupakan satu keperluan bagi

setiap institusi pendidikan swasta di negara ini.

Tempoh memegang jawatan sebagai ahli lembaga adalah tertakluk kepada yang ditetapkan dalam suratcara pengelolaan institusi pendidikan berkenaan.

SM Chung Hwa, BSB berupaya lahirkan ramai graduan cemerlang

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Januari. - Sekolah Menengah (SM) Chung Hwa telah menjangkau 95 tahun pada tahun ini, dan semenjak penubuhannya, Sekolah Menengah Chung Hwa telah menunjukkan keupayaan melahirkan para graduan cemerlang yang kini menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara ini.

Kejayaan SM Chung Hwa bukan setakat akademik dalam Peperiksaan GCE 'O' Level sahaja, yang mana bagi tahun 2015, SM Chung Hwa telah memperolehi pencapaian 70.78 peratus bagi sekurang-kurangnya lima kredit, tetapi juga dengan bertambah-

nya tahun demi tahun jumlah pelajar sekolah ini yang menerima anugerah 'TOP 10 IN THE WORLD', 'TOP IN BRUNEI' dan 'BEST ACROSS CAMBRIDGE O LEVEL'.

Pada tahun lepas, lapan pelajar SM Chung Hwa, Bandar Seri Begawan (BSB) telah menerima anugerah-anugerah tersebut berbanding dengan hanya lima orang pelajar pada tahun sebelumnya.

"Ini adalah sebagai bukti bahawa pencapaian akademik di SM Chung Hwa adalah ditahap yang membanggakan. Adalah diharap jumlah penerima bagi anugerah-

anugerah tersebut akan meningkat pada tahun ini," ujar Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Lembaga Pengarah SM Chung Hwa, Bandar Seri Begawan Tahun 2017-2018 berlangsung di sekolah tersebut, di sini.

Yang Berhormat turut berharap agar SM Chung Hwa BSB untuk berperanan menyumbang kepada pencapaian sasaran negara bagi 60 peratus pelajar memperolehi sekurang-kurangnya lima kredit dalam peperiksaan GCE 'O' Level bagi tahun ini, dibawah Inisiatif Pendidikan Menengah, Kementerian Pendidikan.

Di samping itu tambah Yang Berhormat, SM Chung Hwa juga

sering muncul sebagai juara dalam beberapa pertandingan peringkat kebangsaan seperti dalam pertandingan BICTA 2016, Kejohanan Olahraga bagi Sekolah Rendah dan Menengah, Peraduan Pidato Bahasa Melayu sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Ke-70 dan lain-lain lagi kejuaraan, yang mana telah mengharumkan nama sekolah ini dan juga telah dijemput ke Beijing, untuk mengambil bahagian dipersembahan kebudayaan sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-25 hubungan diplomatik Brunei - China.

Yang Berhormat menambah, dalam bidang teknologi bagi penggunaan pengajaran dan pembelajaran, pengiktirafan yang diberikan oleh Microsoft kepada sekolah ini sebagai

Sekolah Contoh Microsoft sejak tahun 2014 sehingga kini, menunjukkan bahawa sekolah ini memanfaatkan teknologi Microsoft yang terkini untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang ditawarkan di sekolah ini.

Dengan penggunaan teknologi ini juga telah memberi peluang kepada para pelajar dan guru-guru bekerjasama dengan sekolah-sekolah luar negeri dan peringkat global.

"Pencapaian ini setentunya hasil usaha dan sokongan padu yang telah diberikan oleh Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah sekolah ini ke arah memajukan lagi sekolah. Kerjasama yang erat seperti ini dan sokongan daripada semua pihak dan stakeholders adalah kunci utama kejayaan yang dicapai oleh sekolah ini," tambah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, SM Chung Hwa BSB juga adalah salah sebuah dari lapan buah sekolah pencapaian terbaik (Top Performing Schools) yang kini bekerjasama dengan sekolah kerajaan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah Kerajaan.

Kerjasama ini dan pengongsian *best practice* ujar Yang Berhormat diharap dapat mengenalpasti kelemahan yang terdapat dalam bidang *teaching and learning*; dalam kepimpinan dan pengurusan sekolah terutama dalam kalangan sekolah kerajaan.

Pada hemat Yang Berhormat, kehadiran pelajar-pelajar bukan berbangsa Tiong Hua di Sekolah Menengah Chung Hwa ini adalah petanda yang sangat baik dan contoh dalam kesatuan kaum dan bangsa di bawah satu bumbung institusi pendidikan.

Institusi pendidikan tambahnya berperanan selain menyediakan pendidikan berkualiti, menanamkan nilai-nilai murni, jati diri, hormat-menghormati berlandaskan Melayu Islam Beraja.

"Saya menaruh keyakinan bahawa melalui kepimpinan Lembaga Pengarah baru yang masih diketuai oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh ini seperti jua sebelumnya, akan dapat membimbing pentadbiran dan pengurusan sekolah ini untuk terus meningkatkan pencapaian kecemerlangan akademik dan juga pencapaian dalam bidang bukan akademik sekolah, di samping mempertahankan tradisi dan hubungan erat di antara SM Chung Hwa BSB dengan Kementerian Pendidikan

dan juga masyarakat demi kepentingan pelajar-pelajar dan pendidikan," jelas Yang Berhormat.

Pendaratan Kabel Labuan - Brunei (LBC)



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelaburan), Kementerian Kewangan, Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan dan mengambil bahagian dalam upacara "penarikan" kabel antarabangsa ke-4 ke Negara Brunei Darussalam.

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei International Gateway Sdn. Bhd. and Common Tower Technology Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Januari. - Satu kabel fiber optik dasar laut sepanjang 51,795 kilometer yang menghubungkan Pulau Labuan ke Negara Brunei Darussalam, selamat tiba di Pantai Tungku.

Sehubungan itu, satu majlis bagi memperingati pendaratan Kabel Labuan Brunei (LBC) di Negara Brunei Darussalam telah dilangsungkan oleh Brunei International Gateway Sdn. Bhd. (BIG).

Timbalan Setiausaha Tetap (Pelaburan), Kementerian Kewangan, Awang Haji Khairuddin bin Haji

Abdul Hamid hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan dan mengambil bahagian dalam upacara 'penarikan' kabel antarabangsa ke-4 ke Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah pemilik Kabel Labuan-Brunei, Common Tower Technology Sdn. Bhd. (CTTSB), salah satu daripada syarikat telekomunikasi terbesar Malaysia dari Sabah.

Ketua Pegawai Eksekutif BIG, Steve Stretch dalam ucapannya pada majlis tersebut antaralain menyatakan BIG secara rasmi ditubuhkan di Brunei Darussalam pada 17 Ogos 2009 sebagai sebuah syarikat usaha

bersama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjalankan perniagaan pelaburan dan syarikat perdagangan bagi menguruskan pelaburan Asia-America Gateway (AAG) Cable System, serta South-East Asia Japan (SJC) Cable System.

Sehingga setakat ini jelasnya, tiga operasi sistem kabel antarabangsa telah mendarat di Negara Brunei Darussalam, iaitu Asia America Gateway (AAG), South East Asia Japan Cable (SJC) dan South-East Asia Middle-East Western Europe 3 (Sea-Me-We-3 cable system).

Dengan LBC menjadi kabel antarabangsa ke-4 yang masuk ke Negara Brunei Darussalam, ia menunjukkan satu sumbangan BIG

ke arah 'Wawasan 2035' untuk Negara Brunei Darussalam menjadi hub komunikasi untuk Borneo selain bagi pembangunan ICT Brunei. Melalui LBC, ia mampu memenuhi keperluan trafik Sabah untuk kapasiti antarabangsa melalui Brunei Darussalam, yang telah sedia ada sebagai satu-satunya pintu masuk di Borneo dengan sistem kabel dasar laut antarabangsa iaitu Asia America Gateway (AAG), Southeast Asia Jepun Cable (SJC) dan South-East Asia Middle-East Western Europe (SMW3).

LBC akan memberi kesan positif kepada sektor telekomunikasi serta ekonomi kedua-dua Malaysia Timur dan Brunei, dibantu oleh peningkatan kapasiti domestik dan antarabangsa, laluan alternatif dan harga yang lebih rendah.

Ini juga akan membolehkan Malaysia Timur untuk meningkatkan tele-densi, kapasiti dan sambungan jalur lebar dan seterusnya akan mewujudkan peluang untuk menarik pelaburan langsung asing ke kedua-dua negara, di samping memudahkan pertumbuhan dalam kerajaan tempatan, sektor swasta dan syarikat-syarikat.

Reka bentuk dan kemampuan Kabel tersebut ialah Kabel Fiber Optik Dasar Laut jenis 24G.652D (mengikut standard ITU) dengan 24-teras tunggal yang berperisa dan rekabentuk Kapasiti awal : ~ 3.3 Tbps

Manakala dua tempat pendaratan Kiamsam, Labuan (Wilayah Persekutuan) Tungku, Brunei.

Tinjau perkembangan pembelajaran SMALHB

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Januari. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman hari ini meneruskan siri lawatannya ke Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB), Kilometer 2, Jalan Tutong.

Lawatan tersebut bertujuan bagi menzahirkan keperihatinan dan

sokongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) atas usaha-usaha Jabatan Pengajian Islam dan pimpinan sekolah Arab terhadap segala persiapan, penilaian, strategi dan sasaran pihak sekolah.

Ketibaan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan dialu-alukan oleh Pengetua SMALHB, Hajah Norjainah binti Haji Buntar serta guru-guru dan kakitangan sekolah berkenaan.

Turut menyertai lawatan tersebut



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa berinteraksi bersama beberapa penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) sesi pengajian 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Penerbitan Alert List AMBD dalam laman web

Siaran Akbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Januari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) memaklumkan kepada orang ramai bahawa AMBD telah menerbitkan 'Alert List' di dalam laman web AMBD.

Menurut Siaran Akbar Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 'Alert List' itu mengandungi senarai syarikat-syarikat dan laman web yang tidak mempunyai kebenaran untuk menawarkan perkhidmatan kewangan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan dalam kawalan AMBD atau menjalankan mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan sama ada iaanya menyalahi undang-undang.

Senarai tersebut adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.

AMBD mengingatkan orang ramai bahawa hanya institusi-institusi kewangan (iaitu bank, syarikat insurans, pengendali takaful, institusi pasaran modal dan sekuriti, syarikat penukaran mata wang asing dan syarikat perkhidmatan pengiriman wang dan entiti lain) yang dilesenkan oleh AMBD di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditadbir oleh AMBD dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan kewangan di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk berhati-hati apabila ingin menyertai mana-mana skim pelaburan atau transaksi kewangan, dan untuk terlebih dahulu mengesahkan kesahihan skim-skim pelaburan yang ditawarkan, serta meneliti risiko yang berkemungkinan timbul daripada membuat pelaburan di dalam skim tersebut.

'Alert List' tersebut dan juga senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD melalui talian +673 2233371 atau melalui e-mel : fci@ambd.gov.bn.

Mata Wang Kertas Polimer dijual 18 Januari 2017

Siaran Akbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Januari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) akan mengeluarkan mata wang kertas polimer kenang-kenangan 'Uncut Block' BND1 siri terbaru bagi Negara Brunei Darussalam.

Menurut Siaran Akbar Autoriti Monetari Brunei Darussalam, mata wang kertas polimer kenang-kenangan 'Uncut Block' BND1 ini adalah sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam.

Jenis mata wang tersebut ialah BND1 (35 keping) siri 2013 keluaran 2016 dengan nilai muka BND1 x BND35 (BND35) dengan harga jualan BND250.00

Mata wang kertas polimer kenang-kenangan 'Uncut Block' BND1 akan dijual kepada orang ramai di booth AMBD semasa Brunei Consumer Fair (CF) Ke-19 yang akan diadakan mulai pada 18 Januari hingga 22 Januari 2017 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas atau orang ramai boleh membeli terus daripada Unit Pengurusan Mata Wang, AMBD, Bangunan BCMB, Kompleks Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

ialah Setiausaha Tetap, KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajijah binti Haji Moktal.

Yang Berhormat ketika ditemui berkata, lawatan tersebut bertujuan untuk menzahirkan dorongan KHEU terhadap usaha-usaha Jabatan Pengajian Islam dan pimpinan sekolah Arab dalam persiapan, penilaian, strategi dan sasaran sekolah Arab.

Menurut Yang Berhormat, pada masa ini SMALHB mempunyai 650 orang penuntut semuanya dan memilih ke aliran umum adalah dalam sekitar 86 orang.

Hal itu ujar Yang Berhormat, menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai kepercayaan kepada sekolah pendidikan aliran Arab di mana anak-anak mereka mempunyai kesempatan serta mempunyai peluang iaitu pertama mendapat pendidikan ugama, kedua mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran jika

anak-anak mereka itu mempunyai kelulusan yang bersesuaian bagi melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat tinggi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan bahawa, persekolahan Arab merupakan salah satu aliran pendidikan *mainstream* di negara ini yang menyediakan prasarana pendidikan yang seimbang dalam ugama Islam, akademik dan Bahasa Arab.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa program-program memperkasa penggunaan bahasa Arab yang dijalankan di sekolah-sekolah Arab akan dapat mewujudkan suasana berbahasa Arab dan dikembangkan untuk memudahkan lagi pemahaman Bahasa Al-Quran yang telah diusahakan dari segi bacaan, hafalan dan tafsir.

SMALHB juga mengadakan Majlis Pendaftaran Kemasukan Pelajar-Pelajar Baharu Pra-U 1.

Menteri Hal Ehwal Ugama berkesempatan untuk berinteraksi dan

memberikan penghargaan kepada pelajar-pelajar baharu Pra-U 1 dan ibu bapa serta penjaga mereka yang memilih untuk melanjutkan pelajaran di SMALHB.

Majlis Pendaftaran tersebut diadakan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar baharu dan ibu bapa serta penjaga mereka tentang pentadbiran, akademik, hal ehwal pelajar dan kurikulum sekolah.

Ia diselajurkan dengan sesi ta'aruf (pengenalan) agar pelajar-pelajar baharu dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah yang baharu serta menjalankan silaturahim sesama warga sekolah.

Seramai 347 pelajar berjaya masuk ke Pra-U 1 di SMALHB tahun ini, iaitu 190 pelajar dalam jurusan Syariah, 88 orang pelajar dalam Jurusan Usuluddin, 21 pelajar dalam Jurusan Lughah Arabiah (Bahasa Arab), 20 pelajar dalam Jurusan Umum 1 dan 28 orang pelajar dalam Jurusan Umum 2.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin semasa melawat ke kelas-kelas Pra U1 dan beramah mesra dengan penuntut SMALHB sesi pengajian 1438H/2017M.

RB bekerjasama tingkatkan pelancongan di Brunei



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kiri) menerima cenderahati semasa Majlis Perasmian Forum Pengurusan dan Pemasaran Royal Brunei (RB) 2017.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Januari. - Misi Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) adalah 'Untuk meningkatkan pertumbuhan jumlah pelancong dengan memberi tumpuan kepada pengukuhan daya tarikan dan kepelbagaiannya produk pelancongan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan'.

Dalam konteks itu, KSSUP mensasarkan untuk menggandakan jumlah kemasukan pelancong melalui udara dari 278,000 pada tahun 2015 kepada 450,000 sebelum tahun 2020.

Strategi kementerian dalam membangunkan pelancongan di negara ini terutamanya memberi tumpuan kepada perkembangan produk pelancongan dan usaha-usaha untuk menaik taraf serta pakej pelancongan yang sedia ada sedang ditawarkan kepada pelancong.

Demikianlah yang ditegaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong di Majlis Perasmian Forum Pengurusan dan Pemasaran Royal Brunei (RB) 2017 bertempat di Radisson Hotel, di ibu negara.

Oleh itu, jelasnya, produk pelancongan yang baik mestilah mempunyai nilai yang berpatutan, menarik, dapat disimpan sebagai kenangan, menyeronokkan, unik, selamat, bersih dan sebagainya.

Dengan produk-produk dan perkhidmatan pelancongan yang baik, ujar Yang Berhormat, kita boleh menarik pelancong untuk kembali dan melawat Brunei berulang kali. Dalam hal ini, kami telah mengenal pasti tiga kategori produk pelancongan, iaitu utama, menyerlah dan berdasarkan aktiviti-produk pelancongan.

"Kita mempunyai beberapa tempat-tempat menarik di negara ini, yang tersedia dan boleh ditawarkan kepada pelancong sebagai destinasi pelancongan atau produk utama. Ini termasuk tempat-tempat menarik di sekitar Bandar Seri Begawan seperti Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) dan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja," katanya.

Kawasan-kawasan lain yang menjadi tumpuan adalah termasuk Kampong Ayer yang memperkenalkan keunikan budaya dan warisan dan Ulu Temburong yang memberi pengalaman indah yang tidak dapat dilupakan, kekayaan dan kepelbagaiannya alam semula jadi dan alam sekitar - hutan hujan tropika yang bersih dan

habitat semula jadi.

Di KSSUP ujar Yang Berhormat, dalam tempoh 18 bulan lepas, kita telah mencapai beberapa kejayaan dan agresif dalam membuat perubahan kepada industri pelancongan di Brunei Darussalam.

"Kami telah memberi tumpuan kepada pembangunan produk dan akan terus berbuat demikian, untuk kekal berdaya saing di rantau ini. Kami telah menghabiskan masa penapisan produk yang sedia ada seperti Temburong, Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer dan seterusnya adalah Tutong, Belait dan destinasi rekreasi lain seperti pantai, hutan, dan taman-taman. Pada masa yang sama, kami juga meningkatkan beberapa produk berdasarkan aktiviti seperti menyelam, memerhati burung serta pelancongan berdasarkan komuniti seperti inap desa dan aktiviti-aktiviti kampung," tambahnya.

Menurut Yang Berhormat, KSSUP juga telah menuahkan Lembaga Pelancongan Brunei atau Brunei Tourism Board (BTB) yang merupakan platform penting bagi KSSUP untuk berkomunikasi dengan pihak berkepentingan seperti kerajaan dan sektor swasta.

Objektif utama BTB adalah untuk memberikan arahan dasar mengenai aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan dan menyediakan platform bagi dialog antara sektor swasta dan awam mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pelancongan.

KSSUP juga telah memansuhkan Akta Ejen Pelancongan 1978 dan mengubah Perintah Pelancongan 2016 untuk mengekalkan rangka kerja undang-undang yang selaras dengan perkembangan hal ehwal dan semasa pelancongan.

Dalam hal ini, Yang Berhormat dapat melihat keperluan untuk syarikat penerbangan negara kita agar bekerja rapat dengan pihak pelancongan yang lain termasuk hotel, ejen pelancongan, pengusaha pelancongan dan pengusaha pengangkutan yang komprehensif, tetapi kompetitif dalam merangka program perjalanan dengan harga yang sesuai untuk pelanggan.

Yang Berhormat sangat yakin jika anda bekerja untuk syarikat penerbangan tempatan, BTB berharap untuk mempromosikan syarikat penerbangan dan menggalakkan Brunei sebagai destinasi pelancongan.

Oleh itu, BTB juga boleh berfungsi sebagai platform untuk anda membuat perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan. Anda juga boleh

melibatkan diri dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan mengenai isu-isu tertentu yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan industri pelancongan.

Dari Januari hingga September 2016, jumlah kemasukan pelancong

antarabangsa ke Negara Brunei Darussalam melalui udara adalah 163,023 berbanding 165,872 dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Walaupun terdapat penurunan sebanyak 1.7 peratus, pasaran sumber dari Hong Kong, Korea Selatan, China dan Jepun terus menunjukkan pertumbuhan positif dengan peningkatan sebanyak 41.3 peratus, 26.7 peratus, 9.8 peratus dan masing-masing 2.0 peratus.

Lima negara bagi ketibaan pelancong ke Negara Brunei Darussalam dari Januari hingga September 2015 adalah Malaysia kerana laluan udara mudah dan berdekatan dengan 24.2 bagi setiap daripada jumlah ketibaan pelancong.

Ini diikuti oleh Republik Rakyat China, iaitu 19.2 peratus, Indonesia, 9.6 peratus, Filipina, 7.8 peratus dan Singapura, 6.4 peratus.

Secara keseluruhan, lima negara tersebut telah menyumbang sebahagian majoriti ketibaan pelancong antarabangsa ke negara ini bagi bulan Januari hingga September 2016, iaitu 67.2 peratus daripada jumlah ketibaan pelancong.

Tujuan utama lawatan ke Negara Brunei Darussalam adalah untuk tujuan riadah dan bercuti dengan 43.5 peratus daripada jumlah ketibaan pelancong.

China dan Malaysia kekal sebagai penyumbang utama untuk riadah dan percutian pasaran dengan 55.8 peratus daripada jumlah ketibaan pada 2016.

Walaupun ini semua kelihatan agak positif dan bilangannya semakin bertambah, yang membimbangkan adalah berkaitan dengan tempoh purata penginapan hotel yang hanya 2.15 hari dan kadar penghunian hanya 36.59 peratus.

Oleh itu, Yang Berhormat menggesa Pengurus Jualan dan Pemasaran dan pihak berkepentingan pelancongan yang berkaitan agar bekerja secara kolektif bersama-sama untuk meningkatkan pelancongan ke negara ini dan meningkatkan jumlah tempoh yang lebih lama untuk penginapan dan kadar penghuni yang lebih tinggi di Negara Brunei Darussalam.

KSSUP akan terus bekerjasama rapat dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk meningkatkan proses visa dengan menjadikannya lebih telus dan mudah kepada semua pengunjung.

Kini terdapat maklumat yang ada lebih jelas secara 'online' dengan syarat kemasukan bagi pengunjung yang memerlukan visa ke Negara Brunei Darussalam. Tambahan lagi, sebagai satu cara untuk meningkatkan perkhidmatan pelancongan, KSSUP juga bekerjasama dengan institusi pendidikan dalam menyediakan panduan latihan pelancongan untuk pemandu pelancong baru dan sedia ada di negara ini.

Ke muka 10

Sektor maritim alami pelbagai cabaran

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

JERUDONG, Selasa, 17 Januari. - Kementerian Perhubungan menempatkan keselamatan sebagai salah satu strategi utama dalam dasar Peningkatan Sistem Perkhidmatan Pengangkutan Awam.

Ia termasuk memenuhi keperluan piawaian yang ditetapkan oleh badan-badan antarabangsa seperti International Civil Aviation Organisation (ICAO) dan International Maritime Organisation (IMO).

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menekankan demikian pada Majlis Seminar Komersial bagi Keselamatan Menyelam berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Justeru itu, Kementerian Perhubungan jelasnya, telah menuahkan Bahagian Keselamatan dan Penyiasatan (Safety & Investigation Division) yang akan

terus memantau kesediaan dan kesiapsiagaan (*preparedness and readiness*) agensi-agensi di bawah kementerian berkenaan dalam menangani sebarang kemungkinan.

"Perkara ini penting untuk semua pihak dalam memberikan perhatian sewajarnya memandangkan tanggungjawab Kementerian Perhubungan yang melibatkan pergerakan awam secara menyeluruh," tegas Yang Berhormat.

Dalam hal tersebut, sektor maritim juga terus mengalami pelbagai cabaran. Persekitaran maritim katanya, terus menghadapi ancaman yang berpunca dari aktiviti maritim

sendirinya. Antaranya adalah seperti bangkai kapal karam, pembuangan sisa dari kapal dan tumpahan minyak yang dapat menjadikan keselamatan navigasi perkapalan.

Dengan mengambil kira mustahaknya memelihara persekitaran maritim daripada ancaman-ancaman sebegini, keperluan bagi perkhidmatan *commercial diving* menjadi semakin ketara.

'Commercial Divers' berkeupayaan untuk menjalankan kerja-kerja seperti melupuskan bangkai kapal karam, membuat pemeriksaan, menilai serta membaiki kerosakan pada infrastruktur dan bangunan di bawah permukaan laut.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan, pemeliharaan alam sekitar maritim merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Perhubungan ke arah memajukan lagi sektor maritim di Negara Brunei Darussalam.

Atas tujuan itu, peranan serta tanggungjawab Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan menurutnya, sedang giat diselaraskan sebagai 'authority' yang bertanggungjawab membuat perancangan-perancangan untuk lebih memperkembangkan sektor maritim di negara ini secara keseluruhannya.

"Berlandaskan kepada kepentingan ini juga, saya sangat menghargai inisiatif Al-Hadid Marine Services yang telah dapat menyumbang kepada pembangunan modal insan di kalangan anak tempatan, dengan adanya profesional yang terlatih dan berkepakaran di syarikat ini," ujarnya.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa berucap pada Majlis Seminar Komersial bagi Keselamatan Menyelam.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat berharap inisiatif tersebut akan dapat dikembangkan lagi melalui kolaborasi bersama pelbagai pihak termasuk dari agensi-agensi kerajaan serta institusi pendidikan dan latihan di negara ini.

Seterusnya, para peserta seminar serta pihak-pihak yang berkepentingan akan mengambil kesempatan tersebut untuk berinteraksi dan meneroka peluang kerjasama khususnya antara pihak pengangsur, penceraian serta dalam kalangan para peserta sekalian juga memanfaatkan usaha ke arah memajukan lagi sektor maritim di negara ini.

Tingkatkan kesedaran sektor maritim



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa menyaksikan pameran pada Seminar Komersial bagi Keselamatan Menyelam di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel and Country Club.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Selasa, 17 Januari. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat mengingatkan kita sebagai sebuah negara pengeluar minyak dan gas dan usaha kerajaan ketika ini adalah untuk mempertingkatkan sektor maritim.

Hal itu dikaitkan agar kita tidak ketandusnya idea-idea baharu untuk memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti perdagangan dan membuka peluang-peluang pelaburan dan pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Menteri Perhubungan, Yang Berhormat pada Seminar Komersial bagi Keselamatan Menyelam di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel and Country Club seterusnya menghargai usaha dan inisiatif Al-Hadid Marine Services dalam mengadakan seminar tersebut sebagai perintis yang mencetuskan idea-idea dan perkhidmatan-perkhidmatan baharu yang boleh

diterokai.

Jelasnya, seminar itu juga akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai bidang *commercial diving* sebagai satu pilihan kerjaya yang memberi ganjaran yang memuaskan (*rewarding*) tetapi mencabar dalam pelbagai aspek.

"Perkhidmatan *commercial divers* itu juga diperlukan terutamanya oleh sektor maritim, khususnya perkapalan, minyak dan gas, pertahanan dan tidak lupa juga kepada misi kemanusiaan (seperti *search and rescue*) dan eksplorasi sejarah. Antara yang menarik adalah seperti *underwater photographers*, Hazardous Materials (HAZMAT) divers, scientific divers serta *naval diver*," ujarnya.

Dengan bertumbuhnya sektor-sektor berkenaan, maka peluang-peluang pekerjaan sebagai *commercial divers* katanya, bukan hanya terbuka luas di dalam negara ini sahaja tetapi juga di tempat-

tempat lain.

Tambahnya, satu aspek penting yang akan diketengahkan semasa seminar ini ialah mengenai kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (Health, Safety and Environment). Perkara ini bertepatan sekali terutama kepada mereka yang telah berkecimpung dalam bidang ini.

Yang Berhormat menyatakan, *commercial diving services and commercial divers* merupakan satu kerjaya yang mempunyai risiko yang tinggi kerana mereka berhadapan dengan suasana yang berlainan dan terdedah kepada bahaya sama ada yang diketahui mahu pun juga yang di luar jangkaan.

"Karier ini memerlukan individu berkenaan untuk bertindak mengikut prosedur yang ditetapkan dan prinsip yang mengutamakan keselamatan atau *safety first*. Sangat jelas di sini, keselamatan adalah faktor yang tidak dapat dikompromi dalam *commercial diving*.

Antaranya adalah keperluan untuk

memastikan alat kelengkapan seperti *breathing apparatus* dan *communications equipments* sentiasa berfungsi dan dalam keadaan baik. Di samping itu, prosedur-prosedur keselamatan yang tertentu hendaklah dipatuhi sambil mempunyai ketahanan fizikal dan mental untuk mereka membuat sebarang keputusan dan bertindak sewajarnya dalam suasana dan persekitaran yang bahaya," menurutnya.

Kemudian, perkara itu tegasnya, perlu juga diketahui oleh mereka yang ingin melibatkan diri sebagai *commercial divers* khususnya dalam kalangan mereka yang sudah mempunyai kepakaran-kepakaran teknikal dalam bidang yang lain.

"Ke arah ini, saya mengambil maklum bahawa Al-Hadid Marine Services menggunakan piawaian dan amalan-amalan terbaik antarabangsa yang ditetapkan oleh badan-badan kerajaan di negara-negara membangun yang digunakan untuk mendiribir aktiviti *commercial diving* di negara

berkenaan, khususnya International Marine Contractors Association di United Kingdom," katanya.

Dalam hal tersebut, Yang Berhormat percaya Al-Hadid Marine Services sebagai *pioneer* dalam *commercial diving services* yang mempunyai kedudukan yang unik untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan ke arah mengusahakan satu piawaian khusus yang lebih *coherent* untuk digunakan sebagai garis pandu bagi *commercial diving services* di negara ini.

Yang Berhormat juga mengucapkan tahniah kepada Al-Hadid Marine Services, syarikat tempatan pertama yang berkecimpung dalam perkhidmatan *commercial diving* di negara ini.

Walaupun baru sahaja ditubuhkan pada bulan September 2014, syarikat tersebut telah terlibat dalam melaksanakan pelbagai projek yang boleh dianggap *professionally demanding* termasuklah projek-projek kerajaan.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir semasa Seminar Komersial bagi Keselamatan Menyelam.

Kerjaya 'Commercial diving' beri ganjaran memuaskan

JERUDONG, Selasa, 17 Januari. - Kira-kira 60 peserta terdiri dari Syarikat Perkapalan, Syarikat Minyak dan Gas, pegawai beruniform serta pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan menyertai Seminar Komersial bagi Keselamatan Menyelam anjuran Kementerian Perhubungan dengan kerjasama Syarikat Al-Hadid Marine Services (B) Sendirian Berhad.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel and Country Club.

Seminar tersebut diadakan tepat pada waktunya apabila negara sedang berhadapan dengan cabaran-cabaran ekonomi antarabangsa yang membawa impak ke atas kemajuan dan pembangunan negara.

Antara perkara penting yang kita berikan tumpuan dalam hal itu ialah keperluan untuk meningkatkan keupayaan negara dalam memberikan

perkhidmatan-perkhidmatan khusus yang mencabar dan memerlukan kepakaran, tanpa bersandar kepada sumber-sumber dari negara lain.

Terdahulu, Pengarah Urusan, Al-Hadid Marine Services (B) Sendirian Berhad, Pengiran Hajah Reda Farizah binti Pengiran Dato Paduka Haji Ismail berhasrat seminar tersebut bukan sahaja memberi ilmu bahkan pengalaman yang sangat berguna.

Katanya, syarikat Al-Hadid ditubuhkan pada tahun 2014 yang menyediakan perkhidmatan *commercial diving* dan kini mempunyai 21 kakitangan sepenuh masa yang terdiri daripada penyelam profesional yang diiktiraf oleh Australian Diver Accreditation Scheme, Dive Medical Technicians (DMT), Dive Technicians dan sebagainya.

Beliau menyatakan tujuannya adalah untuk mengenal pasti bakat tempatan dan membangunkan mereka dan pada masa yang sama untuk



PENGARAH Urusan Al-Hadid Marine Services (B) Sdn.Bhd., Pengiran Hajah Reda Farizah binti Pengiran Dato Paduka Haji Ismail semasa ucapan alu-aluan pada seminar tersebut.



Pemenang Minda Pembaca!



Waspada dengan skim penipuan wang

SKIM cepat kaya ialah istilah yang diguna pakai untuk menggambarkan skim atau pelan yang menawarkan pulangan atau dividen yang tinggi melebihi kadar pulangan yang lazimnya diberikan oleh institusi kewangan yang berlesen. Skim cepat kaya merupakan sebahagian daripada penipuan kewangan di mana orang ramai diperdaya untuk mempercayai pulangan yang besar akan didapatkan melalui suatu pelaburan tanpa memakan banyak usaha dan masa.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah sedaya upaya memberi

kesedaran kepada orang ramai mengenai penipuan kewangan termasuklah skim cepat kaya ini. Antara kempen kesedaran tersebut adalah melalui poster-poster yang telah ditampal di sekitar pusat-pusat membeli belah dan bangunan-bangunan awam yang lain. AMBD juga telah mengadakan pertandingan membuat video pendek mengenai kesedaran penipuan kewangan, suatu perkara yang serius. Video-video tersebut boleh ditonton melalui aplikasi AMBD. Pertandingan tersebut merupakan perkara

yang bagus, di samping memberi amaran tentang penipuan kewangan dan ia juga dapat meningkatkan daya saing belia dalam industri kreatif.

AMBD juga mempunyai aplikasi telefon bimbit yang boleh dimuat turun melalui Google Play Store dan Apple App Store. Salah satu fungsi aplikasi AMBD ini adalah kenali jenis-jenis penipuan kewangan yang sering terjadi di negara ini. Melalui aplikasi tersebut juga pengguna boleh mendapatkan anggaran tahap risiko pelaburan pengguna dengan menjawab beberapa soalan.

Bagi melindungi diri awda dari melabur dalam skim cepat adalah awda perlu persoalkan kesahihan syarikat, produk dan rekod prestasi dan jangan merasa dipaksa atau tertekan untuk melabur. Di samping itu, berwaspada

dengan peluang pelaburan yang tidak disokong dengan dokumen dan behati-hati jika peluang pelaburan tersebut memerlukan awda untuk membawa pelabur yang berikutnya untuk menambah keuntungan. Senarai institusi kewangan yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati dari laman sesawang AMBD (www.ambd.gov.bn). Jadilah pelabur yang bijak, fahami risiko dan berurus dengan pegendali kewangan berlesen dan berdaftar oleh AMBD.

**Nama : Siti Nur'ainuna Mahirah binti Haji Wahid
No. K/P : 01-079352 (K)
Alamat : No. 3, Simpang 180-26, Jalan Buang Tengkurok, Kampung Buang Tekurok, Lumapas 'A', BJ 2924, Negara Brunei Darussalam.**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Cabar dan Kesan Dunia Siber'. Tarikh Tutup : 18 Januari 2017
2. 'Manfaat Kesihatan Dalam Berbasikal'. Tarikh Tutup : 25 Januari 2017
3. 'Bandarku Ceria, Bandarku Bersih'. Tarikh Tutup : 1 Februari 2017

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.**

atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Istiqamah dalam ibadah

Muslim, ketika salah seorang sahabat bertanya kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

"Ya Rasulullah, katakan kepadaku satu perkataan saja yang aku tidak akan bertanya kepada siapapun selain engkau! Jawab Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Katakan, aku beriman kepada Allah, lalu istiqamahlah."

Jelas dalam hadis ini Rasulullah menegaskan, iaitu selain daripada beriman kepada Allah, seorang mukmin itu hendaklah istiqamah atau berterusan dalam mempertahankan keimannya. Seorang Muslim itu wajib istiqamah dalam mentauhidkan Allah, bertakwa kepada-Nya, takut kepada ancaman dan hukuman-Nya serta mengharapkan keampunan dan rahmat hanya daripada-Nya. Justeru itu, menurut para ulama, jika seseorang itu memperbanyak sembahyang dan puasa sunat, atau suka menderma dan suka menolong orang lain akan tetapi dalam aspek lain, dia suka mengumpat atau memfitnah orang maka dia dikatakan belum beristiqamah dengan Islam atau paling tidak dikatakan istiqamahnya masih berkurangan.

Dengan beribadah secara ikhlas tanpa digangu oleh elemen-elemen negatif yang lain, maka akan terhasilah tarbiah diri (mendidik) untuk mewujudkan sifat istiqamah yang dianggap sebagai suatu kemanisan jika kita berjaya menghayatinya. Mulalah beramal dengan ibadah-ibadah kecil dahulu dengan melawan perasaan-perasaan negatif atau bisikan-bisikan yang menuju ke arah keburukan. Kemudian majulah setapak demi setapak tanpa meninggalkan amalan yang sedia ada.

Pastinya, istiqamah itu akan dapat dicapai jika ada rasa kenikmatan dalam beribadah. Walau berat bagaimapun, kebajikan itu akan tetap dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, dengan hati yang senang, penuh minat dan bersemangat. Di samping itu,

istiqamah dalam beribadah itu juga akan membentuk akhlak dan shahsiah dalam kehidupan sehari-hari khususnya dalam membentuk peribadi Muslim yang syumul. Dengan peribadi yang syumul, kita akan lebih bersedia untuk menghadapi faktor dan elemen yang boleh melemahkan semangat dan kita akan terus mantap berada di atas jalan yang direndai Allah Subhanahu Wata'ala.

Disebabkan itulah, kita harus berusaha untuk mengatasinya dan melawan segala kemalasan yang menghalang diri untuk terus istiqamah. Lalu untuk menuju keredaan Allah melalui istiqamah, bagaimanakah untuk kita mencapai istiqamah tersebut?

Memuhasabah diri adalah sangat diperlukan dalam diri seorang Muslim agar jiwa tidak merasa jemu dan bosan dalam beramal soleh. Dengan memuhasabah diri akan membuat kita sedar akan tujuan penciptaan manusia di dunia ini, iaitu semata-mata untuk beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala seperti dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hasyr, ayat ke-1, tafsirnya :

"Apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi sentiasa bertasbih kepada Allah, dan Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

Imam Ibnu Katsir menjelaskan daripada ayat ini. Setiap manusia harus memuhasabah sebelum dihirau nanti dan berusaha melihat apa yang bakal disediakan untuk hari akhirat daripada himpunan amalan. Inilah yang ingin dihasilkan menerusi proses muhasabah. Muhasabah dosa dan amal yang lalu dan muhasabah masa depan, iaitu akhirat. Dengan sifat muhasabah tersebut, seorang Muslim itu akan dapat mengekalkan keimanan dalam diri dan meninggalkan perkara-perkara yang melalaikan.


Selain itu, jalan terbaik untuk mengekalkan istiqamah ialah bersahabat dengan orang-orang

yang baik yang dapat mengingatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala atau seseorang yang mampu menyuruh kepada perkara-perkara ma'uif serta mampu mencegah daripada kemungkar dan hanya mengharap keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Ia menepati seruan Allah menerusi ayat 28, Surah Al-Kahfi yang tafsirnya :

"Dan sabarkanlah dirimu bersama orang-orang yang menyeru (beribadat kepada) Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang kerana mengharap keredaan Allah. Dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka (dengan mengalihannya kepada bangsawan-bangsawan Quraisy) hanya kerana engkau mengharap perhiasan kehidupan dunia. Dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami telah lalaikan hatinya daripada mengingati Kami dan menurut hawa nafsunya dan tingkah lakunya melampaui batas."

Mengingat mati juga mampu memotivasi kan semangat untuk beribadah kepada Allah Ta'alaa dan sekali gus istiqamah di jalan-Nya. Dengan mengingat mati, kita perlu membersihkan hati daripada maksiat batin dan memperbaiki akhlak kerana akhlak yang buruk akan memakan segala amal ibadah yang dilakukan. Perbuatan dosa yang kita lakukan akan menyebabkan noda di hati manusia dan sedikit demi sedikit akan melemahkan diri dalam melakukan ibadah. Oleh kerana itu, para Muslimin adalah dianjurkan untuk memperbanyak taubat dan istighfar agar diri selalu diberikan kekuatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk sentiasa dapat istiqamah dalam ibadah kerana Allah menjanjikan balasan yang baik bagi sesiapa yang istiqamah dalam kebaikan dan bagi siapa yang tetap dijalani yang benar. Sepertimana disebutkan dalam Surah Al-Fushilat, ayat 30 :

Ke muka 9



KADAR iman seseorang insan itu tergantung kepada diri setiap individu sama ada bertambah ataupun berkurang sedikit demi sedikit. Sebagai seorang Muslim, setentunya kita menginginkan agar iman yang kita miliki itu tidak berkurang, sebaliknya semakin bertambah kuat. Untuk itu kita memerlukan sifat istiqamah untuk mempertahankan iman agar selalu stabil dalam mengerjakan amal ibadat. Sifat istiqamah adalah sifat yang amat penting dan sekali gus ia adalah pendamping dalam mewujudkan iman dan akhlak yang mulia. Sememangnya transformasi kepada kebaikan itu mudah, namun tidak dinafikan, ianya tidak mudah untuk kita mewujudkan istiqamah dalam beribadat. Istiqamah itu tidak dapat dibuktikan pada amalan sehari dua, malah ia perlu berterusan tanpa niat untuk menunjuk-nunjuk kepada orang lain dan ia hendaklah dilakukan atas dasar ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkataan istiqamah bererti lurus dan tidak berbelok-belok. Sayidina Umar bin Al-Khattab pernah menjelaskan bahawa istiqamah itu tetap mengikuti perintah dan menjauhi larangan serta tidak menyimpang daripadanya. Istiqamah secara umumnya bermaksud memberikan komitmen dalam melaksanakan sesuatu perkara dengan penuh konsisten dan penuh kesungguhan. Dengan kata lain, istiqamah ialah ketetapan pendirian dalam melaksanakan sesuatu perkara dan melakukan amalan dengan konsisten dan berterusan sehingga ke akhir hayat khususnya dalam setiap amalan wajib yang diperintahkan Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Islam termasuklah sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam

Larangan berkeliaran di luar rumah pada waktu Maghrib

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

APABILA menjelang waktu Maghrib, orang-orang tua selalu mlarang anak-anak mereka daripada berkeliaran atau melakukan aktiviti di luar rumah. Larangan ini biasanya akan turut diiringi dengan amaran bahawa pada ketika itu para syaitan sedang berkeliaran.

Amalan ini sudah menjadi tradisi dan kepercayaan di kalangan masyarakat sejak turun temurun. Sekali imbas, dirasakan bahawa mungkin amalan ini hanya pantang larang orang-orang tua kita yang sememangnya cukup dikenali dengan pelbagai adat, petua dan kepercayaan yang tersendiri. Namun sebenarnya, larangan ini ada sandarannya dalam syarak. Ini berdasarkan sebuah hadis sahih yang diriwayatkan daripada Jabir bin 'Abdullah Radhiallahuanhuma bahwasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

Maksudnya : "Apabila masuk awal malam, maka tahanlah anak-anak kamu (dari berkeliaran di luar rumah) kerana sesungguhnya pada waktu itu syaitan-syaitan sedang berkeliaran. Maka apabila telah berlalu sesaat dari waktu malam (waktu Isyak), maka (bolehlah) kamu lepaskan mereka..."

(Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini adalah hadis *muttafaq 'alaih* kerana ia diriwayatkan dalam kitab Shahihain, iaitu Sahih Al-Bukhari dan Sahih Muslim. Suatu hadis itu, jika diriwayatkan dalam salah satu daripada dua kitab ini, ia diiktiraf sahih tanpa apa-apa keraguan. Apatah lagi jika hadis tersebut diriwayatkan dalam kedua-duanya sekali sepertimana hadis di atas. Oleh itu, tidak ada ruang untuk mempertikaikan kesahihan hadis tersebut.

Bagaimanapun, untuk memahami hadis berkenaan, begitu juga dengan mana-mana hadis yang lain, tidak memadai hanya dengan membaca terjemahannya semata-mata lalu membuat hukum dan andaian berdasarkan kefahaman sendiri. Bahkan perlu dirujuk kata-kata ulama yang mensyarah hadis tersebut. Apatah lagi perkhabaran dalam hadis ini merupakan satu perkhabaran tentang perkara ghaib yang hanya dapat diketahui menerusi wahanu.

Ada beberapa persoalan yang timbul daripada hadis berkenaan, iaitu :

(1)Kepada siapakah larangan ini ditujukan?

(2)Kenapakah kanak-kanak kecil dilarang berkeliaran pada waktu tersebut?

(3)Bila bermula dan berakhir larangan ini?

(4)Adakah larangan ini berbentuk wajib?

Bagi menjawab persoalan di atas, dinukilkan pendapat-pendapat ulama mengenainya.

(1)Kepada siapakah larangan ini ditujukan?

Matan atau lafadz hadis dengan jelas menyebutkan bahawa larangan ini adalah khusus bagi golongan *shibyan*, yakni kanak-kanak kecil, tidak kira sama ada lelaki ataupun perempuan.

Kenapa larangan ini dikhususkan bagi kanak-kanak kecil sahaja? Menurut Imam Ibnu al-Jauzi Rahimahullah, ini kerana kanak-kanak kecil dikhuatiri menjadi mangsa utama kejahanatan syaitan pada waktu tersebut kerana kanak-kanak kecil pada kebiasaannya kurang menjaga diri daripada najis serta kotoran dan ini sememangnya digemari syaitan. Sebaik sahaja syaitan mula berkeliaran, iaitu apabila matahari terbenam, mereka akan menyentak, merangkul dan memaut apa sahaja yang boleh dicapai oleh mereka. Adalah dikhuatiri hal ini boleh menyakiti dan memudararatkan terutama sekali kepada kanak-kanak kecil kerana pada usia seperti itu, mereka pada kebiasaannya kurang mengamalkan zikir-zikir pelindung daripada kejahanatan syaitan.

(2) Kenapakah kanak-kanak kecil dilarang berkeliaran pada waktu tersebut?

Dalam hadis berkenaan, disebutkan bahawa waktu Maghrib, iaitu sebaik sahaja matahari terbenam merupakan waktu di mana para syaitan berkeliaran dengan banyaknya.

Menurut Imam al-Munawi Rahimahullah, larangan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu ada hikmah dan rahnianya. Ini kerana pada waktu siang, pancaran matahari seakan menyekat para syaitan sehingga membataskan pergerakan mereka. Lalu setelah matahari terbenam, jadilah mereka itu bagi banduan yang baru terlepas daripada penjara. Dalam keadaan sedemikian, mereka sudah pasti hendak melepaskan dendam dan amarah yang dipendam sepanjang siang, dan berhajat untuk melakukan gangguan dan kerosakan. Maka apabila mereka ini bertembung dengan kanak-kanak kecil yang kebetulan berkeliaran pada waktu Maghrib, syaitan-syaitan ini dikhuatiri akan menyakiti mereka. Hal ini berlaronan sehinggalah masuk waktu Isyak di mana selepas waktu tersebut para syaitan pun mula beredar lalu sibuk menjalankan tugas masing-masing.

Menurut Imam Ibnu al-Jauzi Rahimahullah, rahsia pengkhususan waktu ini ialah kerana pergerakan syaitan lebih lancar dan selesa pada malam hari berbanding waktu siang kerana

susana kegelapan waktu itu lebih sesuai dan serasi dengan kejahanatan mereka. Dikatakan juga bahawa para syaitan menyukai kegelapan kerana kegelapan menjadikan para syaitan lebih kuat dan bertena. Sebaliknya, mereka sangat membenci cahaya.

Terdapat satu lagi riwayat yang menjelaskan tentang kenapa kanak-kanak kecil ditegah daripada berkeliaran pada waktu Maghrib ini. Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan bahawa ini kerana pada waktu tersebut, bala tentera syaitan yang diutus oleh ketua-ketua mereka berkeliaran dengan banyaknya untuk membuat kerosakan. Jabir bin 'Abdullah Radhiallahuanhuma meriwayatkan bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "... Maka sesungguhnya (ketua-ketua) syaitan itu mengutus (bala tenteranya) apabila matahari terbenam sehingga berlalu kegelapan awal malam (masuk waktu Isyak)."

(Hadir riwayat Muslim)

Bahkan ada pula riwayat yang menghabarkan bahawa pada waktu tersebut, para jin turut melakukan penculikan. Ini berdasarkan hadis yang juga diriwayatkan daripada Jabir bin Abdulla Radhiallahuanhuma, bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "... Dan tahanlah anak-anak kamu (dari berkeliaran di luar rumah) ketika waktu malam, kerana sesungguhnya (pada waktu tersebut) jin berkeliaran dan melakukan penculikan..."

(Hadir riwayat Al-Bukhari)

Menurut Imam al-Munawi Rahimahullah, adapun maksud 'malam' pada hadis di atas ialah selepas terbenam matahari sehingga masuk waktu Isyak, iaitu di antara dua waktu Maghrib dan Isyak.


(3)Bila bermula dan berakhir larangan ini?

Menurut para pensyarah hadis, larangan membiarkan kanak-kanak kecil daripada berkeliaran di luar rumah septimana dalam hadis berkenaan bermula sebaik sahaja terbenam matahari yakni masuk waktu Maghrib dan berakhir setelah masuk waktu Isyak.

(4)Adakah larangan ini berbentuk wajib?

Menurut ulama hadis serta para fuqaha', larangan ini berbentuk sunat dan tidak sampai ke peringkat wajib. Ia lebih menjurus ke arah irtsyad atau nasihat ke arah kebajikan dan kemaslahatan. Ini adalah pendapat jumhur ulama.

Namun begitu, walaupun larangan ini hanya sunat, akan tetapi ia wajar ditaati dan jangan sekali-kali diabaikan. Ini kerana Islam memerintahkan supaya menjauhi mara bahaya



Website : www.mufti.gov.bn

Email : mufti@mufti.gov.bn / latif@mufti.gov.bn

dan kemudaratan, di samping mengambil segala langkah yang perlu untuk memelihara diri dan jangan sekali-kali mendedahkan diri kepada.

Imam Al-Qurthubi Rahimahullah berkata bahawa sebagai seorang hamba Allah Subhanahu Wata'ala dan pengikut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kita hendaklah bersegera melaksanakan tunjuk ajar dan nasihat Baginda sebagai mentaati dan menghargai tunjuk ajar serta nasihat Baginda itu. Dengan ketaatan terhadap larangan ini, nescaya seseorang itu tidak akan ditimpah mudarat-mudarat berkenaan dengan kuasa dan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala juga.

Imam an-Nawawi Rahimahullah pula berkata : 'Hadis ini mengandungi sejumlah bentuk kebajikan dan adab yang meliputi kebajikan ukhravi dan duniawi. Maka Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan (untuk beramal) dengan adab-adab ini sebagai sebab supaya terhindar daripada dianiaya oleh syaitan, dan Allah 'Azza wa Jalla telah menjadikan sebab-sebab (adab-adab) berkenaan sebagai sebab supaya terhindar daripada dianiaya olehnya (syaitan)."

Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah lagi, dengan beramal adab-adab tersebut, para syaitan tidak akan dapat menyakiti dan menganiaya anak-anak kita dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

Demikian beberapa penjelasan tentang perkara melarang kanak-kanak kecil daripada berkeliaran di luar rumah pada waktu Maghrib. Kesimpulannya, larangan tersebut adalah sabit berdasarkan hadis sahih dan mentaatinya adalah sunat. Ia disunatkan bagi menjaga kanak-kanak kecil supaya tidak mendapat mudarat daripada kejahanatan syaitan yang banyak berkeliaran untuk membuat kerosakan pada waktu tersebut.

Jadi, sekiranya tidak ada urusan penting atau keperluan yang benar-benar memaksa, tahanlah kanak-kanak kecil daripada berkeliaran di luar rumah supaya mereka terselamat daripada kejahanatan syaitan yang dilaknat.

Istiqamah dalam ibadah

Dari muka 8

"Sesungguhnya orang-orang yang berkata : "Tuhan kami ialah Allah," kemudian mereka meneguhkan pendirian maka malaikat akan turun kepada mereka sambil berkata : "Janganlah kamu takut dan janganlah kamu berduakacita, serta bergembiralah dengan surga yang telah dijanjikan kepada kamu." Kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia dan akhirat dan di sana (syurga) kamu akan mendapat apa yang kamu ingini dan kamu akan mendapat apa sahaja yang kamu minta."

Untuk memiliki sifat istiqamah itu, dapatlah kita ambil contoh daripada Junjungan Besar kita, iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang tidak disangkalkan lagi memiliki keteguhan jiwa yang amat kental. Pelbagai peristiwa dan provokasi untuk menghancur leburkan

kaum Muslimin serta ancaman dan usaha pembunuhan yang dilaluinya bersama para sahabat, namun sedikitpun tidak menggetarkan hati Rasul dan para sahabat, bahkan menambahkan lagi keimanan mereka dan mereka berkata : "Hasbunallah wa ni'mal wakil" (cukuplah Allah bagi kami (sebagai pelindung) dan sebaik-sebaik tempat kami berserah.) Dengan iman dan istiqamah, segala rintangan dapat diatasi dan kemenangan dapat diraih dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru itu, istiqamah akan melahirkan sifat positif, percaya diri dan optimis. Tanpa iman dan istiqamah tidak mungkin akan dapat mempertahankan kehidupan diri sebagai seorang yang beriman. Malah istiqamah itu juga merangkumi dalam segala hal dan aspek kehidupan. Jika seseorang itu berusaha tanpa putus asa dan sentiasa berterusan tanpa lemah semangat, maka istiqamah itu pastinya akan menjurikan sebuah kejayaan.

Borang Permohonan Pengurniaan Tambang Haji diedarkan

Siaran Akbar : Jabatan Urusan Haji,
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa borang permohonan untuk mendapatkan Pengurniaan Tambang Menunaikan Fardu Haji bagi Musim Haji Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi mula diedarkan hari ini bersamaan 18 Rabuulakhir 1438H.

Menurut Siaran Akbar Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, pegawai dan kakitangan kerajaan sama ada yang sedang berkhidmat, mahupun yang telah bersara yang berhasrat untuk mendapatkan borang pengurniaan tambang tersebut bolehlah mendapatkannya di Unit Kurnia Tambang, Bahagian Pengurusan Haji, Jabatan Urusan Haji, Tingkat 2, Bangunan Tambahan Baru, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam atau di Pejabat-Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Tarikh tutup mengembalikan borang permohonan tersebut ialah pada hari Khamis, 16 Mac ini bersamaan 17 Jamadilakhir 1438H.

Persatuan belia pemangkin transformasi negara



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (duduk, tengah) bergambar ramai bersama 45 Persatuan Belia.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Januari. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof mengadakan perjumpaan bersama 45 Persatuan-Persatuan Belia bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Menurut Siaran Akhbar KKBS,

perjumpaan tersebut sebagai satu inisiatif Kementerian dalam mendekati Persatuan-Persatuan Belia untuk sama-sama berganding bahu dan mengorok langkah bagi pembangunan belia ke arah mencapai Wawasan Negara 2035.

Perjumpaan seumpama itu juga memberikan ruang dan peluang kepada persatuan-persatuan belia bagi meluaskan jaringan rangka kerja (*networking*) dan platform untuk

bertukar-tukar maklumat dan pandangan mengenai belia.

Dalam ucapan Yang Berhormat, beliau telah menyentuh mengenai kepentingan peranan persatuan-persatuan belia di dalam memangkin kemajuan negara terutama sekali melibatkan belia di dalam kegiatan-kegiatan persatuan masing-masing.

Belia mempunyai peranan sebagai pemangkin transformasi negara selaras dengan tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun 2016, iaitu Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi.

Di samping itu, Yang Berhormat

juga menyentuh kepentingan Persatuan-Persatuan Belia untuk berusaha merapatkan jurang persatuan, dan seterusnya bersatu padu dan bekerjasama di antara satu sama lain.

Antara perkara yang disentuh oleh persatuan-persatuan belia ialah mengenai dengan keperluan tempat atau pejabat bagi persatuan-persatuan belia menguruskan persatuan masing-masing yang mana antara cadangan ialah untuk menyediakan Open Office di Pusat Belia yang dibuka kepada semua persatuan-persatuan belia dalam memudahkan pengurusan.

Selain itu, bagi meningkatkan *networking*, persatuan belia mencadangkan untuk diadakan Direktori Persatuan Belia yang boleh diperolehi di pusat-pusat belia bagi memudahkan para belia untuk mengetahui kegiatan-kegiatan persatuan belia tersebut.

Turut hadir ialah Setiausaha Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Dr. Haji Affendi bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Sri Paduka Haji Abidin dan Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Gunakan kepercayaan untuk laksana tanggungjawab



AHLI Majlis Mesyuarat Negara yang baharu dan termuda, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari berikrar akan menggunakan kepercayaan yang diberikan untuk melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Januari. - Belia cemerlang yang melakar sejarah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang baharu dan termuda, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari berikrar akan menggunakan kepercayaan yang diberikan untuk melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin menyumbang bakti memajukan negara khususnya dalam meningkatkan taraf golongan belia di negara ini.

Ketika dihubungi wakil Pelita Brunei, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa menyatakan pada awalnya merasa terkejut dengan pelantikan yang diumumkan namun turut melahirkan rasa menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia pelantikan tersebut.

"Pada mulanya terkejut kerana tidak menyangka akan ada golongan belia yang dilantik menjadi ahli MMN, namun dalam masa yang sama saya juga merasa gembira kerana

ini menunjukkan kepercayaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap pendapat dan cadangan dari golongan belia, dan ini merupakan satu perubahan yang besar dan sangat positif," ujarnya.

Beliau merupakan antara 33 ahli MMN yang baharu dilantik dan berazam untuk menyuarakan kepercayaan yang diberikan yang sememangnya merupakan satu amanah yang besar dan belia berharap akan dapat membuat yang terbaik dalam menyampaikan suara belia serta cadangan dan harapan warga belia dalam arena pembangunan negara di sidang MMN itu nanti.

Namun matlamat beliau adalah untuk menjadi penghubung di antara para belia dengan MMN, dengan mengetengahkan isu-isu yang sering dihadapi oleh para belia, di samping ingin menyebarkan maklumat tentang peluang-peluang yang sedia ada bagi membantu para belia meningkatkan kebolehan diri, iaitu *capacity building*.

Menjelaskan mengenai sebarang cabaran yang mungkin dihadapi di masa akan datang memandangkan dari segi faktor usia belia yang masih muda dan perlu berhadapan dengan pelbagai ragam lapisan masyarakat di negara ini, Yang Berhormat menjelaskan, walaupun belia mungkin kurang berpengalaman dari segi cara pentadbiran negara, tetapi semangat dan komitmen belia tetap kuat.

"Bagi saya faktor umur bukan menjadi penghalang tapi ia adalah satu peluang untuk melibatkan para belia untuk lebih berminat dengan isu-isu negara," terangnya.

Menjawab mengenai agenda Yang Berhormat pada sidang MMN itu nanti bagi membawa sebarang perubahan pada sesuatu yang baharu, menurutnya beliau bercadang untuk memikirkan strategi yang bersesuaian bagi mendapatkan input daripada orang ramai mengenai isu yang berkaitan dengan belia untuk dibincangkan nanti.

"Antara agenda yang akan ditekankan termasuklah alam sekitar, keusahawanan, pembangunan belia, orang kurang upaya, wanita dan kanak-kanak," jelas Yang

Berhormat lagi.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa, 29, berasal dari Kampung Tasek Meradun, merupakan anak keenam dari tujuh orang adik-beradik dan beliau menerima pendidikan di Universiti Brunei Darussalam dalam BA Public Policy and Administration pada sesi 2007 - 2011, dan kini sedang melanjutkan pengajian beliau di King's College London, United Kingdom (UK) di peringkat Sarjana dalam bidang Environment, Politics and Globalisation di bawah Biasiswa Chevening.

Antara pengiktirafan terbesar yang pernah dianugerahkan kepada beliau ialah pada tahun 2013 - Anugerah Khidmat Belia; 2014 - ASEAN Youth Day Award, 2015 - Queen's Young Leaders Award dan 2016 - Pingat Indah Kerja Baik.

Dengan pelantikan itu jelasnya, beliau berharap akan dapat menyuarakan cadangan dan isu-isu semasa bagi mewakili para belia di negara ini serta dapat menunaikan amanah yang diberikan dengan penuh tanggungjawab.

Selaku ahli MMN yang baharu, beliau juga menyarankan kepada para belia agar mencari peluang yang sentiasa ada di mana-mana dan menunjukkan bahawa golongan belia juga mampu berjaya dengan kegigihan serta kebolehan masing-masing.

Tambahnya, 'Belia' bukan lagi "pemimpin masa akan datang" akan tetapi 'Belia' juga mampu menjadi pemimpin sekarang.

Dari itu sarannya, jangan takut untuk mencuba benda baharu dan rebutlah peluang-peluang yang ada, aktifkanlah diri dengan mengikuti aktiviti-aktiviti kesukarelawanan, keusahawanan dan kemasyarakatan kerana ia bukan sahaja membantu golongan yang memerlukan tetapi dapat meningkatkan kebolehan diri masing-masing.

"Rajinlah minima ilmu bukan saja melalui institusi formal tetapi melalui pengalaman yang dapat diambil dari pelbagai cara. InsyaAllah ia juga akan dapat membuka peluang-peluang baharu yang mungkin tidak disangka sebelumnya," jelas Yang

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ihsan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari

Berhormat mengakhiri temu bual.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa merupakan seorang yang sangat aktif dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam kegiatan-kegiatan belia masa kini dan antara jawatan yang dipegangnya ialah Pengasas Bersama dan Pengarah Penglibatan Masyarakat Green

Brunei, Ketua Biro Hubungan Antarabangsa Majlis Belia Brunei (MBB) dan Pengarah Green Exchange dalam 'Society for Community Outreach and Training'.

Sementara di UK, beliau menjadi sukarelawan untuk Hammersmith & Fulham Urban Studies Centre dan AIDS Charity UK Trust.

RB bekerjasama tingkatkan pelancongan di Brunei

Dari muka 6

"Kami juga gembira untuk melihat Kementerian Perhubungan telah melakukan peranan mereka dalam menyokong untuk membawa pelancong melalui peningkatan sistem pengangkutan awam dengan bas-bas yang lebih besar dan teksi bermeter," jelasnya.

RB juga telah menyokong inisiatif pelancongan dengan membuka lebih

banyak laluan untuk mengalui-alukan

lebih banyak penerbangan sewa khas

dari Republik Rakyat China, iaitu

Zhengzhou dan tidak lama lagi Xian

dan juga dari Seoul, Korea Selatan

dan penerbangan kongsi kod ke

Turki dan Jepun.

Masih banyak perkara yang perlu dilakukan pada tahun 2017 ini memandangkan tahun ini adalah tahun yang sangat menarik bagi ASEAN, iaitu Tahun Melawat ASEAN @ 50 Tahun dan Brunei Darussalam telah dipilih sebagai Kota Kebudayaan ASEAN.

Lebih banyak acara menarik telah disediakan untuk meraikannya seperti seperti Minggu Gastronomy pada 22 hingga 26 Februari 2017,

Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta

pada bulan Oktober dan Persekutuan Kongres Kardiologi ASEAN pada bulan November.

Yang Berhormat berharap, RB akan turut mempromosikan acara-acara yang menarik ini dan bekerjasama dengan ejen-ejen tempatan dalam merangka pakej yang menggalakkan penginapan lebih lama di Brunei Darussalam.

Forum Pengurusan dan Pemasaran RB 2017 diadakan selama tiga hari, dihadiri oleh lebih 150 peserta terdiri daripada para pegawai dan kakitangan RB dari dalam dan luar negara.

Salah satu daripada aktiviti yang dianjurkan adalah RB Amazing Race di sekitar Bandar Seri Begawan yang bertujuan untuk mengukuhkan ikatan antara para pegawai dan kakitangan RB, dan juga membiasakan tempat-tempat pelancongan di sekitar bandar kepada peserta luar.

Dengan adanya forum itu, ia dapat mengukuhkan lagi hubungan antara KSSUP dan RB bagi meningkatkan pelancongan di Brunei dan sesi forum tertutup adalah untuk membincangkan jualan dan pemasaran objektif dan strategi RB untuk lima tahun akan datang.

Turut hadir pada forum tersebut, Setiausaha Tetap KSSUP juga selaku Ahli Lembaga Pengarah RB, Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Kebangkitan semangat kebangsaan Brunei

Oleh : Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pejabat Sekretariat
Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja

Pendudukan Jepun yang berlangsung selama tiga tahun lebih telah membangkitkan semangat nasionalisme Brunei. Golongan pejuang pergerakan semangat kebangsaan Brunei pada peringkat awal adalah terdiri daripada golongan guru yang telah mendapat pendidikan formal di Brunei dan di Semenanjung Tanah Melayu dalam tahun 1930an dan 1940an. Mereka inilah yang menjadi pemimpin dan pejuang pertubuhan politik di Brunei selepas Perang Dunia Kedua yang berganding bahu dengan Sultan Ahmad Tajuddin Akhzul Khairi Waddien dan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien untuk menebus kembali maruah dan kedaulatan bangsa dan Negara Brunei Darussalam. Semangat berkobar-kobar yang tertanam pada jiwa anak-anak tempatan terutama guru-guru yang mendapat pendidikan dari Maktab Sultan Idris Tanjung Malim Perak, (SITC) telah menjadi perangsang dan pendorong untuk memperjuangkan nasib bangsa Brunei.

Selepas sahaja Perang Dunia Kedua tamat, Brunei telah diperintah oleh British Military Administration (BMA) lebih kurang setahun. Dalam era setahun ini anak-anak tempatan yang pernah berkerjasama dengan pemerintahan Tentera Jepun telah teraniaya oleh balas dendam pembantu-pembantu rapat BMA yang terdiri daripada bangsa asing yang fasih berbahasa Inggeris. Mereka inilah yang menjadi dalang yang menghasut pegawai-pegawai BMA supaya memecat dan mengeneppikan hak anak-anak tempatan dari memegang jawatan kerajaan kerana dituduh menjadi talibar Jepun. Anak tempatan telah menjadi dagang di tanah airnya sendiri menyebabkan mereka komited dan berjuang bersama pemimpin-pemimpin nasionalis Brunei yang menubuhkan Barisan Pemuda (BARIP) pada bulan April 1946.

Sikap diskriminasi BMA yang mengeneppikan anak tempatan dalam jawatan kerajaan semakin menjolok mata, maka rasa ketidakpuashati dan marah mereka menyebabkan sebahagian daripada golongan nasionalis mulai berani secara lantang menyuarakan pendapat mereka dan mengambil tindakan secara agresif. Pengorbanan Ahli-ahli BARIP bukan sahaja dari harta dan wang ringgit bahkan juga sanggup mempertarungkan nyawa mereka kerana bangsa, agama dan negara. Antara pemuda-pemuda Brunei yang menjadi galatan dan selalu tercatat dalam fail Pejabat British Resident dan Colonial Office di London yang menjadi penggerak utama perjuangan kebangsaan Brunei ialah H.M. Salleh, (Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa) P.Y., (Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara) Mohd. Jamil Bin Umar (Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Jawatan Dalam Dato Seri Utama) dan kalangan golongan pendidik yang lain yang pernah dipengaruhi oleh idea pejuangan nasionalis Malaya, Harun Aminurrahman yang juga berkhidmat di Brunei ketika itu.

Dalam tempoh setahun pentadbiran BMA di Brunei banyak peristiwa yang menonjol mengenai tindakan berani BARIP dalam mempertahankan dan memperjuangkan maruah Melayu Islam Beraja. Antaranya ialah Peristiwa Ganyang China, Lawatan Rasmi Malcolm Mac Donald, Sambutan Sempena Memperingati Pendaratan Tentera Berikut dan Lindungnya Bonda Sultan Ahmad Tajuddin. Dalam peristiwa-peristiwa ini bangsa Brunei tercabar oleh masyarakat asing dengan keberanian mereka tidak menghormati amalan nilai-nilai tradisi Melayu Islam Beraja di bumi Brunei Darussalam.

Kebanyakan peristiwa ini tidak tertulis dalam mana-mana dokumen sejarah secara terperinci tetapi masih menjadi ristaan dan catatan minda



GAMBAR kenangan penulis dengan dua orang Tokoh Nasionalis Brunei, iaitu YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Haji Mohd. Salleh dan YB Pehin Jawatan Dalam Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.

generasi tua yang terlibat dalam perjuangan mempertahankan maruah bangsa Brunei. Antara tokoh nasionalis Brunei yang terlibat dalam gerakan BARIP yang sempat ditemubual ialah H.M. Salleh, P.Y., Mohd. Jamil Bin Umar, dan Cikgu Haji Hamid Bin Othman dan lain-lainnya. H.M. Salleh dalam satu pertemuan penulis dengan Yang Berhormat Pengetua Pusat Sejarah mengatakan bahawa salah satu peristiwa penting yang menunjukkan semangat berkobar anak Brunei ketika itu ialah perjuangan menegakkan kedudukan pintu gerbang yang disuruh oleh pihak berkuasa British supaya memadamkan tulisan yang dibuat pada pintu gerbang sempena lawatan rasmi Mr. Malcolm Mac Donald, Persuruhjaya Tinggi British bagi Asia Tenggara ke Brunei sekitar tahun 1947. Ini adalah kerana slogan yang tertulis pada pintu gerbang tersebut kurang menyenangkan kepada masyarakat asing khususnya British iaitu slogan yang berbunyi 'Sole right for the Sultan' dan 'Restorer of Peace and Justice and his subject'. Menurut H. M. Salleh, Ahli-ahli BARIP membuat keputusan bahawa slogan tersebut hanya boleh diubah dengan menggunakan darah atau pintu gerbang tersebut ditebang sahaja dengan kapak. Pendirian ini memperlihatkan semangat dan

keberanian Ahli-ahli BARIP mahu menuntut penyerahan kembali kuasa dan kedudukan bangsa Melayu yang tergugat dalam era pemerintahan BMA.

Semangat perjuangan BARIP dan juga Kesatuan Melayu Brunei (KMB) yang dipimpin oleh Pengiran Muda Omar 'Ali Saifuddien memang mendapat sokongan kuat daripada Sultan Ahmad Tajuddin. Satu lagi peristiwa yang berlaku dalam zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin ialah insiden Ganyang China yang dikatakan bermula di Pasar Ikan Bandar Brunei bulan Mac 1946 di mana dirancang sepatutnya berlaku selepas waktu berkerja sebelah petang. Bagaimana pun, pergaduhan dan perkelahian perkauman itu telah dapat dikawal oleh pihak berkuasa BMA apabila penyokong-penyokong yang berperahu dari Kampung Air dapat ditahan daripada mendarat.

Bagaimana pun, perjuangan BARIP ini diambil ringan oleh segelintir masyarakat Brunei sebaliknya ada yang mempersendakan mereka sebagaimana juga pandangan dan sikap orang luar seperti yang tercatat dalam sebuah buku yang bertajuk *The Ulu yang memperlihatkan dan memperkecil-kecilkan kedudukan bangsa Melayu Brunei*. Misalnya apabila laungan perkataan 'merdeka' yang dilafazkan dalam kalangan Ahli BARIP selalu dijadikan bahan cemuhan dan gurauan sebagai laungan 'mentega'.

Begitulah betapa besar cabaran dan rintangan yang pernah dialami oleh pejuang-pejuang bangsa kita dalam menegakkan martabat dan maruah bangsa Melayu. Perkara ini jelas digambarkan oleh pemimpin BARIP, H.M. Salleh dalam buku karangannya yang diharamkan oleh pihak berkuasa British yang bertajuk *Tunangan Pemimpin Bangsa* (TPB) terbitan tulisan jawi yang telah ditulis ketika beliau dalam penjara. Sebenarnya TPB adalah sebuah nobel terawal Brunei yang dilahirkan sewaktu 100 hari dalam penjara Kuala Belait. Mengandungi 64 halaman kemungkinan diterbitkan dalam tahun 1950. Mengisahkan perjuangan anak tempatan melalui ciptaan watak-watak utamanya yang dianiyai dan ditindas oleh penjaja asing. Melalui ciptaan nama-nama watak dan peranan yang dimainkan



KEDATANGAN Pesuruhjaya Tinggi British bagi Asia Tenggara, Mr. Malcolm Mac Donald yang disambut oleh Sultan Ahmad Tajuddin Khairi Akhzul Waddien.

'The Civil Division Work Manual' panduan komprehensif

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Januari. - Inisiatif antarabangsa terhadap penggubalan, memeriksa kontrak dan dokumen undang-undang seperti dokumen tender untuk perolehan kerajaan bagi barang atau perkhidmatan, perundingan kontrak, menjalankan tafsiran berkanun dan merumuskan cadangan perundungan dalam bidang seperti pertanian, kewangan, minyak dan gas, pendidikan, kebajikan sosial, kumpulan wang simpanan pekerja, ICT, transaksi elektronik dan penerbangan awam telah memberi kesan kepada undang-undang tempatan yang berkaitan.

Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh menekankan demikian pada Majlis Pelancaran Manual-Manual Bahagian Sivil yang pertama, iaitu 'Government Contracts Manual' dan 'Civil Division Work Manual' bertempat di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Menurutnya, Bahagian Sivil merupakan satu lagi bahagian penting

Dua buah buku panduan Bahagian Sivil dilancarkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Januari. - 'Government Contracts Manual' berperanan untuk membarigakan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan tentang tanggungjawab mereka dalam memudahkan dan mempercepatkan proses penggubalan kontrak.

Ia khusus disarankan kepada agensi-agensi yang berkaitan di mana mereka perlu menyediakan maklumat-maklumat yang berkenaan untuk rujukan Pejabat Peguam Negara (PPN) sebelum menghadapkan permohonan bagi penggubalan atau penelitian ses sebuah kontrak.

'Government Contracts Manual' juga memberikan panduan mengenai proses 'Invitation to Tender' dan menerangkan 'boiler plate provision' yang secara lazim ada di dalam sebuah kontrak kerajaan.

Sementara 'Civil Division Work Manual' diterbitkan dengan objektif untuk memberikan panduan kepada



DAYANG Hajah Suhana binti Haji Sudin semasa ditemu bual oleh media tempatan.

Juga diselanjurkan ialah Bengkel

pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian Sivil dalam menjalankan tugas-tugas mereka di PPN.

Manual tersebut mengandungi proses-proses aliran kerja dan panduan bagi penggubalan kontrak dan tindakan undang-undang sivil dan adalah diharap para pegawai dan kakitangan Bahagian Sivil yang baru dan sedia ada serta membolehkan mereka untuk menjalankan tugas mereka dengan lebih berkeyakinan.

Majlis Pelancaran Manual-Manual Bahagian Sivil yang pertama, iaitu Government Contracts dan Civil Division Manual disempurnakan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, di sini.

Inilah selaras dengan visi PPN, iaitu untuk memberikan perkhidmatan undang-undang yang berkualiti tinggi

berjanji untuk sentiasa berusaha meningkatkan perkhidmatan melalui semua bahagian.

Oleh itu, manual tersebut diterbitkan oleh Bahagian Sivil adalah sebagai daripada usaha berterusan dalam meningkatkan kesedaran juga mengarahan agensi termasuk kementerian dan jabatan kerajaan dan badan berkanun terutamanya dalam menguruskan kontrak kerajaan.

"Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memastikan bahawa kontrak telah disediakan mengikut keperluan semasa khususnya yang berkaitan dengan peruntukan bagi jaminan, penalti, dan kerosakan," tegasnya.

Ini kerana objektif utama manual adalah untuk memberi kementerian dan jabatan kerajaan serta badan berkanun tentang garis panduan yang ringkas dalam memberikan gambaran yang tidak ternilai kepada prinsip-prinsip yang mengawal kontrak di Negara Brunei Darussalam.

Pada masa yang sama untuk memberi bantuan kepada kementerian dan jabatan kerajaan serta badan berkanun untuk mengambil keputusan terus gigih memberikan sumbangan yang besar seperti yang diharapkan dan untuk meningkatkan kemahiran dan produktiviti mereka," katanya.

Menyentuh mengenai 'Civil Division Government Contracts Manual' pula, dewan itu katanya,



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh semasa merasmikan manual tersebut.

dengan transaksi kontrak di Negara Brunei Darussalam pada masa ini ditadbir terutamanya oleh Akta Kontrak (Bab 106) Undang-undang Brunei dan khusus diguna pakai untuk perolehan kerajaan / projek adalah Peraturan-Peraturan Kewangan, 1983," tambahnya lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, 'The Civil Division Work Manual' adalah sebagai panduan komprehensif bagi pegawai dan kakitangan Bahagian Guaman yang baru dilantik serta pegawai dan kakitangan di Bahagian Sivil pada masa ini.

Manual ini terangnya, termasuk peranan utama dan fungsi dan aliran kerja sehari-hari dan prosedur Bahagian Sivil yang bertujuan untuk mewujudkan prosedur kerja yang seragam di Bahagian Sivil.

Selain mewujudkan manual sebagai alat pengajaran terutamanya kepada pegawai dan kakitangan yang baru dilantik, objektifnya adalah juga untuk memudahkan para pegawai dalam mengendalikan tugas kerja mereka dan menjalankan kajian mereka dengan kehadiran Panduan Untuk Kontrak dan Panduan untuk dokumen LDRU.



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh semasa bergambar bersama peserta Bengkel 'Contractual Risks Assessment'.

'Contractual Risks Assessment' yang diadakan selama dua hari dikendalikan oleh Webb Henderson, sebuah firma guaman dari Australia.

Ketua Bahagian Sivil PPN, Dayang Hajah Suhana binti Haji Sudin berharap buku panduan manual tersebut akan dapat memberikan aspek perundungan dan kefahaman.

